



## TERMA DAN SYARAT

### PERADUAN RIUH RAMADAN CHALLENGE VIDEO CONTEST MAKLUMAT PERADUAN

1. Peraduan Riu Ramadan Challenge Video Contest ini adalah inisiatif Jabatan Pengalaman Pelanggan (*Customer Experience Department*) Bank Pertanian Malaysia Berhad, **Agrobank**.
2. Peraduan ini dianjurkan secara dalam talian melalui media sosial Agrobank (Instagram).
3. **Warganegara** Malaysia yang berminat untuk menyertai Peraduan ini diminta untuk **merakam video berdurasi 60 hingga 90 saat di mana-mana 16 lokasi Bazar Ramadan Agrobank** dan *post* video tersebut dengan meletakkan tag @AgrobankMy.

No	Lokasi	PBT
1	Bazar Keramat Permai	MPAJ
2	Bazar Bukit Indah	MPAJ
3	Bazar Bandar Baru Ampang (KEKAL)	MPAJ
4	Stadium	MPS
5	Taman Ehsan, Kepong	MPS
6	Bandar Rawang	MPS
7	Selayang Utama	MPS
8	Stadium Sek 13 Shah Alam (DEFM)	MBSA
9	Bazar Seksyen 2 (DKPS)	MBSA
10	Bazar Seksyen U16 (DARA)	MBSA
11	Bazar Seksyen U10 (ALAM BUDIMAN)	MBSA
12	Bazar Jalan Reko	MPKJ
13	Bandar Kinrara 5	MBSJ
14	Puncak Jalil (PUJ 3)	MBSJ
15	Taman Equine (KEKAL)	MBSJ
16	Bazar Ramadan Mydin Tunjung	-

4. Agrobank akan memilih lima (5) orang **pemenang bertuah sahaja. Pemenang dipilih berdasarkan kreativiti dan keunikan video.**

#### A. Tarikh Dan Tempoh Peraduan

1. Peraduan ini akan bermula pada **12 sehingga 30 March 2025**.
2. Agrobank berhak mengubah atau meminda tarikh dan tempoh Peraduan (sekiranya perlu). Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Agrobank.
3. Pemenang Peraduan ini dijangka akan diumumkan pada **25 April 2025**.

## B. Terma Dan Syarat Peraduan

1. Peraduan ini **HANYA** terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.  
**\* Staf Agrobank TIDAK LAYAK menyertai peraduan ini\***
2. Setiap peserta yang ingin menyertai Peraduan ini perlu melaksanakan perkara-perkara berikut:-
  - 2.1 Rakaman video **MESTI** dibuat di **salah satu atau lebih** daripada **16 lokasi** seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas mengikut kreativiti peserta.
  - 2.2 **Like dan Follow** media sosial Agrobank (Facebook - Agrobank dan Instagram - @AgrobankMy)
  - 2.3 **Like dan Kongsi (Share)** post Peraduan ini dan sertakan *hashtag* **#BazarRamadanTanpaTunai #Agrobank #CashlessBazar #RiuhRamadanChallenge**. Pastikan media sosial Peserta adalah berstatus awam.
  - 2.4 **Muat naik dan tag** – Muat naik video tersebut di Instagram, TikTok, dan Facebook peribadi anda serta tag **@AgrobankMy** dan 3 rakan anda.

## C. Hadiah

1. Tawaran hadiah Peraduan ini adalah sepertimana berikut:

Bilangan Pemenang	Hadiah
5	RM 1,000.00 bagi setiap pemenang

\*Tertakluk kepada Terma dan Syarat

2. Hadiah ini akan dikreditkan ke dalam **Akaun Simpanan Agrobank sahaja**. Bagi pemenang yang masih belum memiliki Akaun Simpanan Agrobank, pemenang perlu hadir ke mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan Tuan/Puan bagi membuka Akaun Simpanan Agrobank.
3. Pengkreditan hadiah pemenang hanya akan dilaksanakan apabila Tuan/Puan memaklumkan kepada pihak penganjur nombor akaun Agrobank dan cawangan semasa Tuan/Puan membuka akaun melalui e-mel shafira.azmi@agrobank.com.my. Tempoh pengkreditan adalah dalam masa **14 hari bekerja**.
4. Agrobank berhak untuk menggantikan hadiah yang ditawarkan seperti di atas dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman web rasmi dan media sosial Agrobank. Sebarang perubahan hadiah, akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada pemenang.
5. Wakil tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan hadiah bagi pihak pemenang dan hadiah tidak boleh dipindahmilik kepada pihak ketiga.

#### D. Lain-Lain

1. Penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Agrobank berdasarkan video yang menarik dan pemakaian mematuhi syariah dan sopan.
2. Pemenang akan dihubungi melalui laman media sosial rasmi Agrobank (Instagram).
3. Pemenang perlu menunjukkan kad pengenalan dan profil media sosial kepada pegawai Agrobank sebelum membuat sebarang tuntutan hadiah untuk mengelakkan sebarang kes penyamaran atau penipuan.
4. Agrobank **TIDAK** akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi oleh Agrobank atau gagal menghubungi kembali Agrobank sebanyak tiga (3) kali bagi urusan tuntutan hadiah.
5. Agrobank boleh memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan jika pemenang asal:
  - Tidak dapat dihubungi dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas pengumuman di laman web rasmi dan media sosial Agrobank.
  - Enggan menerima hadiah.
  - Mempunyai **alasan munasabah** yang membolehkan Agrobank memilih pemenang lain.
6. Semua keputusan bagi Peraduan ini adalah muktamad. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.

#### F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Agrobank boleh mencetak atau menyiarkan nama pemenang untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman web rasmi Agrobank, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Agrobank berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini, penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan yang lewat daripada tarikh yang dinyatakan.

4. Agrobank berhak untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan peraduan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlak. Apa-apa perubahan pada Peraduan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Agrobank, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web rasmi Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)) atau platform media sosial Agrobank.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Agrobank, termasuk untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("**Data Peribadi**") (jika perlu), bagi menjayakan Peraduan ini, dan tidak terhad bagi tujuan mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web Agrobank bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan).
6. Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA Agrobank yang dipaparkan di laman web rasmi Agrobank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung Peraduan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.  
***Nota: Peserta/pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi Agrobank bagi tujuan verifikasi berkenaan Peraduan ini.***
7. Peraduan ini serta terma dan syarat yang terkandung di sini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh dikemukakan terus ke e-mel [customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Agrobank di 1-300-88-2476 atau kunjungi cawangan Agrobank yang terdekat.

<Tamat>